

## Kesediaan Menceburi Kerjaya Usahawan Di Kalangan Pelajar Ipta Malaysia

Norashidah Hashim<sup>1</sup>, NorAishah Buang<sup>2</sup>, Norasmah Othman<sup>3</sup>

Kolej Perniagaan,  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok, Kedah, Malaysia  
<sup>1</sup>norashidah@uum.edu.my

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor.  
norais@ukm.my<sup>2</sup>; lin@ukm.my<sup>3</sup>

### Abstrak

Keusahawanan adalah satu bidang yang penting kepada sesebuah negara. Ianya berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Kerjaya usahawan adalah penting kerana usahawan adalah individu yang bertanggung jawab menjayakan aktiviti keusahawanan melalui penubuhan entiti. Manakala negara yang mempunyai bilangan usahawan yang ramai dapat mewujudkan satu masyarakat yang dinamik dan mempunyai daya saing yang tinggi. Pembangunan modal insan perlu mengambil kira elemen keusahawanan kerana ianya perlu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kerjaya dan bidang yang diceburi. Oleh itu adalah sangat perlu mewujudkan sumber manusia yang mempunyai keinginan dan sikap keusahawanan. Salah satu pendekatan yang digunakan dalam membangunkan sumber manusia ini oleh negara maju ialah menerusi pendidikan dan latihan keusahawanan. Dengan ini satu kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesediaan pelajar IPTA untuk menceburi diri dalam kerjaya usahawan. Data daripada kajian tinjauan ke atas pelajar sarjana muda di empat buah IPTA di Malaysia telah dikumpulkan menggunakan Soal selidik Kesediaan Keusahawanan Pelajar IPT. Kesediaan pelajar dilihat daripada aspek pilihan kerjaya sebagai usahawan dan alasan untuk menceburi bidang keusahawanan atau sebaliknya. Kesediaan sikap diukur menggunakan 62 item yang melihat kesediaan sikap daripada aspek inovasi, kawalan diri, pencapaian, harga diri, toleransi kekaburan dan kawalan risiko. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 46.7 peratus pelajar berkeinginan untuk menjadi usahawan atas pelbagai alasan seperti minat, inginkan ganjaran serta pelbagai alasan lain. Dapatan tinjauan menunjukkan pelajar IPTA mempunyai tahap kesediaan sikap yang sederhana tinggi secara keseluruhannya. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar IPTA mempunyai keinginan dan kesediaan sikap untuk menjadi usahawan. Oleh yang demikian, pihak yang terlibat dalam pendidikan keusahawanan disarankan dapat menambatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan membentuk sikap keusahawanan di kalangan pelajar IPTA agar pelajar lebih bersedia menceburi kerjaya sebagai usahawan.

**Kata kunci:** Pembangunan modal insan, Kesediaan Keusahawanan; Keinginan, Sikap, IPTA Malaysia

### PENGENALAN

Pemupukan budaya keusahawanan melalui pendidikan keusahawanan secara sistematik perlu diberikan kepada golongan sasaran. Kajian ini memfokus kepada konsep kesediaan keusahawanan di kalangan pelajar IPT bagi mempersiapkan diri untuk terjun ke dunia kerjaya setelah tamat persekolahan. Isu pengangguran di kalangan siswazah bermula sejak lewat 1980an lagi (Mohd Salleh Din, 1992) sehingga kini. Jika dilihat kepada perangkaan kadar pengangguran di kalangan graduan adalah agak membimbangkan. Terdapat peningkatan peratusan buruh berpendidikan tinggi daripada 17.5 peratus pada tahun 2003 kepada 18 peratus pada tahun 2004. Ini adalah kesan daripada peningkatan kemasukan lebih ramai pelajar ke institusi pendidikan tinggi (Malaysia, 2004b). Bagaimanapun keadaan ini juga diikuti dengan masalah pengangguran di kalangan siswazah. Laporan hasil kajian pengesanan graduan pada 2004, menunjukkan 32.4 peratus graduan yang belum bekerja dalam masa enam bulan pertama selepas menamatkan pengajian (Kementerian Pengajian Tinggi, 2005). Menurut laporan kadar pengangguran di kalangan siswazah di negara ini mencecah kepada 80 000 orang (Utusan Malaysia, 2005). Kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah besar dana bagi melatih semula graduan ini dengan kemahiran yang diperlukan di bawah Skim Latihan Siswazah Menganggur. Ironinya, salah satu faktor yang menyebabkan kegagalan mereka mendapatkan pekerjaan kerana kurang berkemampuan untuk berkomunikasi dalam

Bahasa Inggeris dengan baik. Kebanyakan daripada golongan ini adalah terdiri daripada graduan Bumiputera (Nor Aishah Buang 2006). Mereka ini adalah golongan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi yang sepatutnya mampu memenuhi keperluan pasaran buruh negara.

Pendidikan di peringkat IPT berperanan sebagai penjana sumber manusia terlatih, professional, berkemahiran, dan juga penjana ilmu pengetahuan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (Morshidi Sirat, 2003; Pyle & Farrant, 2003; Syed Hussein Alattas, 2005; Zolkafli Hussin et al., 2004). Bagaimanapun keadaan ini agak tersasar berikutan apabila graduan yang lahir, khususnya dari IPT awam (IPTA) tidak dapat memenuhi kehendak pasaran buruh sehingga menyebabkan berlaku pengangguran di kalangan siswazah (Ibrahim Abu Shah, 2005; Morshidi Sirat, 2003; Nor Aishah Buang et al., 2005). Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini, siswazah perlu diberikan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi mendorong mereka untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai salah satu pilihan kerjaya. Ini dapat dicapai melalui pelaksanaan pendidikan keusahawanan di IPT (Dana, 2001; Ede, Panigrahi, & Calcich, 1998; Ibrahim & Soufani, 2002; Nor Aishah Buang et al., 2003; Zolkafli Hussin et al., 2004). Dengan ini isu pengangguran di kalangan graduan boleh diselesaikan melalui pendekatan jangka panjang iaitu melalui pendidikan keusahawanan (Henderson & Roberston, 2000; Ibrahim Abu Shah, 2005; Lewis & Massey, 2003).

Selain daripada isu pengangguran di kalangan siswazah, kepentingan pendidikan keusahawanan kepada pelajar IPT adalah berkait rapat dengan peranan bidang ini dalam pembangunan negara (Mohd Salleh Din et al., 2005). Bidang keusahawanan adalah pemangkin pembangunan ekonomi negara kerana aktiviti keusahawanan dapat meningkatkan keluaran dan pendapatan per kapita, serta merupakan faktor permulaan berlakunya perubahan dalam struktur perniagaan dan masyarakat (Friar & Meyer, 2003; Kourilsky, 1995). Dengan pertambahan bilangan usahawan dalam sesebuah negara, maka aktiviti keusahawanan dapat ditingkatkan dan seterusnya membuka peluang pekerjaan serta pertumbuhan ekonomi setempat (Bosna, Wit, & Carree, 2003; Hisrich, Peters, & Shepherd, 2005; Kourilsky, 1995; Lewis & Massey, 2003; Mohd Khairuddin Hashim & Syed Azizi Wafa, 2002). Bahkan, organisasi perniagaan yang ditubuhkan oleh usahawan terutamanya IKS, juga berperanan sebagai tempat bagi pekerja kurang kemahiran mendapatkan latihan dan pengalaman (Megginson, Scott, & Megginson, 1991). Oleh itu, pembangunan keusahawanan melalui pendidikan dan latihan serta sokongan-sokongan lain adalah penting untuk melahirkan lebih ramai usahawan (Ibrahim & Soufani, 2002; Lewis & Massey, 2003). Pendidikan keusahawanan secara formal perlu diteruskan bukan sahaja di peringkat sekolah rendah dan menengah, tetapi sehingga ke peringkat IPT.

Pada masa ini, kebanyakan pendidikan keusahawanan di IPT diberikan melalui program yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan atau program pembudayaan keusahawanan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ini menunjukkan bahawa tiada kesinambungan pendidikan keusahawanan di peringkat IPT bagi kebanyakan pelajar sedangkan penekanan terhadap nilai keusahawanan adalah antara fokus dalam dasar kerajaan. Kebelakangan ini kursus keusahawanan telah menjadi kursus wajib di kebanyakan IPTA mengikut syor oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Ronstadt (1990) menyarankan agar pendidikan keusahawanan diberikan kepada semua pelajar IPT, agar dapat melahirkan satu masyarakat yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan menimbulkan kesedaran tentang keusahawanan sebagai satu kerjaya yang boleh diceburi (Collins & Robertson, 2003; Kourilsky, 1995; Robertson, Collins, Medeira, & Slater, 2003).

Sama ada pendidikan keusahawanan diwajibkan atau bergantung kepada pilihan pelajar, IPT perlu bersedia untuk melaksana pendidikan keusahawanan secara formal dan menyeluruh (Gallaway & Brown, 2000; Low Aik Meng & Tan Wee Liang, 1996; Robertson, Collins, Medeira, & Slater, 2003). Persoalan yang timbul ialah sama ada pelajar berminat atau pun tidak untuk menceburi bidang ini sebagai satu kerjaya pilihan apa bila mereka menamatkan pengajian. Jika mereka berminat, pihak IPT perlu menyediakan persekitaran yang bersesuaian agar ianya dapat dipupuk dan kemungkinan mereka boleh memulakan usaha teroka daripada kampus lagi. Jika sebaliknya, pihak IPT perlu memberikan kesedaran dan menambahkan usaha bagi menanam minat di kalangan pelajar ini. Walaupun mereka kemungkinan tidak terus menceburikan diri sebagai usahawan sebaik sahaja tamat pengajian di kampus, tetapi kemungkinan mereka juga akan menjadi usahawan di masa depan.

Pihak IPT perlu mengesan bibit-bibit kecenderungan yang menjurus kepada gelagat keusahawanan. Oleh itu satu kajian dirasakan perlu bagi mengenal pasti tahap kesediaan pelajar IPT untuk menceburkan diri dalam kerjaya usahawan. Justeru, kertas ini adalah untuk memaparkan hasil kajian tahap kesediaan keusahawanan pelajar daripada aspek minat dan sikap pelajar. Kajian ini telah dijalankan di empat buah IPTA Malaysia pada tahun 2007.

## **ULASAN LITERATUR**

Dalam bahagian ini akan diterangkan beberapa ulasan literatur berkaitan dengan minat dan juga sikap keusahawanan. Kajian ini adalah diasaskan menggunakan teori kerjaya Holland, teori tindakan bertujuan (*theory of reasoned action*) dan teori gelagat terancang (*theory of planned behavior*) Fishben dan Ajzen (1975). Sikap keusahawanan ialah dilihat daripada aspek inovasi, harga diri, pencapaian, kawalan diri, toleransi terhadap kekaburan dan kawalan risiko. Beberapa kajian lepas di luar negara dan dalam negara juga akan disentuh.

### **Usahawan dan keusahawanan**

Usahawan ialah individu yang terlibat dalam penubuhan usaha teroka dan mempunyai sikap atau ciri-ciri enterprais. Kata asal ialah 'entreprenre' yang bermaksud memikul (tugas) atau mencuba. Perkataan 'entrepreneur' digunakan oleh Richard Cantillon seorang ahli ekonomi bagi merujuk kepada orang yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Dalam bahasa Melayu pula, perkataan usahawan berasal daripada perkataan usaha atau daya usaha untuk mencapai sesuatu. Oleh itu, individu ini perlu memiliki ciri-ciri atau sikap tertentu untuk melaksanakan usaha bagi mencapai sesuatu kejayaan. Sikap ini bukan sahaja dimiliki oleh mereka yang terlibat dengan perniagaan, tetapi juga bidang lain. Justeru, timbul konsep usahawan dalaman (*intrapreneur*), usahawan sosial atau usahawan di sektor awan (Mohd Salleh Din et al., 2005).

Manakala Gartner (1985) dalam Kuratko & Hodgetts (2004) mengambil pendekatan proses dalam menerangkan keusahawanan menggunakan pelbagai dimensi. Keusahawanan dilihat sebagai sesuatu rangka kerja yang kompleks dengan pelbagai dimensi iaitu individu, persekitaran, organisasi dan juga proses usaha teroka. Setiap dimensi tersebut mempunyai faktor-faktor tertentu. Dimensi individu yang menjadi fokus kepada kajian ini perlu mempunyai beberapa faktor seperti keperluan kepada pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan mengambil risiko, kepuasan kerja, pengalaman kerja, ibubapa usahawan, umur dan pendidikan. Faktor individu ini menunjukkan bahawa perlu wujud sikap atau ciri tertentu yang membolehkan seseorang itu menjadi usahawan.

Oleh yang demikian, keusahawanan adalah bidang ilmu pelbagai disiplin yang luas (Ronstadt 1990). Ia bukan sekadar menubuh dan menjalankan perniagaan tetapi meliputi perspektif mikro iaitu trait personaliti diri individu dan dipaparkan di dalam atau di luar organisasi perniagaan atau bukan perniagaan (Kuratko dan Hodgetts 2004, Hisrich et al. 2005; Baron dan Shane 2005). Ciri-ciri ini kebanyakannya menonjol dalam diri seorang usahawan dan juga dikenali sebagai ciri enterprais.

### **Teori-teori berkaitan**

"Enterprising" merupakan salah satu daripada enam orientasi peribadi yang menentukan pemilihan kerjaya individu. Menurut Teori Kerjaya Holland (1973), ekspresi personaliti yang menggambarkan motivasi, pengetahuan dan kebolehan seseorang dapat membantu menerangkan tentang tingkah laku pemilihan sesuatu kerjaya. Teori ini juga dapat menyediakan beberapa idea dan panduan yang praktikal dalam membantu seseorang membuat pemilihan kerjaya yang sesuai dengan tingkah lakunya. Teori ini mengkategorikan manusia mengikut minat atau jenis pekerjaan. Terdapat enam bidang yang menjadi tumpuan dalam klasifikasi ini. Mengikut Holland, manusia diandaikan terdiri daripada salah satu dari enam jenis orientasi peribadi dalam kehidupan iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising atau konvensional. Individu yang memiliki sifat "enterprising" adalah cenderung kepada situasi di mana beliau boleh memujuk, memanipulasi, mendominasi orang lain demi mencapai matlamat. Mereka ini biasanya mempunyai kemahiran interpersonal dan mampu memimpin. Menurut Holland, individu ini mempunyai ciri-ciri seperti berkeyakinan, agresif, bijak berpidato, bercita-cita tinggi, cergas, bersungguh-sungguh, suka bersosial, suka menonjolkan diri, suka mengembara, dan petah berbicara. Kerjaya yang sesuai bagi mereka

adalah berkaitan dengan bidang perniagaan seperti pengurus, perunding, jurujual dan pegawai pemasaran. Teori ini mengandaikan bahawa seseorang akan mencari kerjaya yang bersesuaian dengan orientasi peribadinya agar dia dapat mengamalkan kemahiran dan nilai yang dimilikinya. Mereka akan mencari persekitaran yang bersesuaian dengan personalitinya (Nor Aishah Buang et al., 2005).

Pemahaman tentang sikap keusahawanan diri seseorang diterangkan mengikut teori tindakan bertujuan (*theory of reasoned action*) dan teori gelagat terancang (*theory of planned behavior*) Fishben dan Ajzen (1975). Teori ini menyokong teori kerjaya Holland. Menurut Ajzen dan Fisben sikap merupakan penentu kepada sesuatu bentuk gelagat. Oleh itu tingkah laku seseorang adalah ditentukan oleh sikapnya. Kebiasaannya, sikap seseorang dapat dilihat daripada tingkah laku seseorang terhadap sesuatu objek atau peristiwa. Contohnya “sikap terhadap keusahawanan”. Teori memfokuskan tentang sikap terhadap gelagat atau tingkah laku yang akan dilakukannya seperti “mendaftarkan diri dengan subjek yang berkaitan dengan keusahawanan”. Selain itu, cara yang mudah menurut ahli psikologis, untuk mengetahui sama ada seseorang mahu melakukan sesuatu ialah dengan bertanya tentang hasratnya. Bagaimanapun hasrat atau niat kadang kala tidak semuanya ditunaikan. Oleh itu sikap enterprais akan menentukan gelagatnya sebagai seorang usahawan. Sikap ini juga mendorong seseorang terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan bidang keusahawanan.

Menurut Robinson (1991) terdapat empat sikap yang menyebabkan seseorang cenderung menjadi usahawan berdasarkan kajian-kajian lepas. Orentasi sikap ini ialah keperluan kepada pencapaian (McClelland et al., 1953; McClelland, 1961); lokus kawalan dalaman (Levenson, 1973; Rotter, 1966); harga diri (Crandall, 1973); dan inovasi (Kirton, 1976; 1978). Robinson telah menggunakan instrumen yang mengandungi 75 item bagi mengukur orientasi sikap keusahawanan (Robinson, Stimpson, Huefner, & Hunt, 1991). Instrumen ini telah diadaptasi oleh pengkaji bagi mengukur kesediaan sikap keusahawanan di kalangan pelajar

Selain daripada sikap, minat juga mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang. Ini telah disentuh dalam teori kerjaya Holland. Minat adalah keinginan atau kecenderongan tentang sesuatu, atau menaruh perhatian (*Kamus Dewan*, 2005). Ianya dapat menentukan mendorong seseorang untuk terus meningkatkan diri dalam sesuatu bidang. Dalam konteks pembelajaran keusahawanan, minat dan keinginan pelajar adalah penting kerana pembelajaran keusahawanan ini memerlukan penglibatan aktif pelajar. Pelajar harus menjadi agen aktif dalam pengajaran berpusat kepada pelajar, berkebolehan untuk memindahkan kemahiran, belajar dalam persekitaran keusahawanan dan juga kandungannya (Lewis & Massey, 2003).

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie et al (2002) menjalankan kajian ke atas pelajar 1336 pelajar sekolah menengah yang mengambil subjek elektif dalam bidang teknik dan vokasioanal di Malaysia mendapati bahawa potensi keusahawanan kebanyakan pelajar adalah positif tetapi bagi pelajar yang cemerlang adalah lemah. Daripada dapatan ini dijangkakan mereka yang melanjutkan pelajaran ke IPT adalah daripada kalangan pelajar cemerlang berkemungkinan kurang mempunyai potensi keusahawanan Satu kajian ke atas pelajar IPT di Malaysia bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar ini, keberkesanan pengajaran keusahawanan daripada persepsi pelajar dan faktor mendorong menjadi usahawan (Cheng & Chan, 2003). Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar IPT adalah masih rendah walaupun wujud minat yang tinggi di kalangan pelajar. Beliau mencadangkan agar kurikulum dan pendekatan pengajaran perlu dilihat semula. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar menunjukkan tahap minat yang rendah terhadap kerjaya keusahawanan apabila graduat kelak. Kebanyakannya mahu bekerja dahulu, kemudian membuka perniagaan sendiri.

Kajian dijalankan oleh Robertson et. al (2003) di United Kingdom ke atas pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mendapati bahawa 61 peratus responden berhasrat memulakan perniagaan semasa hayat mereka dengan yang lain akan memulakan perniagaan lepas dua tahun tamat mengajian. Pelajar di IPT tidak mempunyai atau sedikit pengalaman untuk memulakan perniagaan. Di samping itu, pelajar masih mempunyai budaya kerja dengan firma yang besar sebagai pekerja dan kurang aspirasi keusahawanan dan kemahiran untuk memulakan perniagaan sendiri. Hasil kajian ini, menyarankan agar IPT dan kerajaan dapat bekerja sama bagi menggalakkan keusahawanan dengan menyediakan sumber kewangan dan juga inkubator (Robertson, Collins, Medeira, & Slater, 2003).

## METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan bagi mengenal pasti tahap kesediaan sikap keusahawanan pelajar. Populasi kajian adalah pelajar IPTA Malaysia daripada pelbagai jurusan pengajian. Sampel kajian telah diambil dari empat buah IPTA mengikut kawasan geografi di Semenanjung Malaysia dan rawak berkelompok. Persampelan rawak berkelompok digunakan kerana populasi adalah besar dan kedudukan bertaburan secara geografi (Cavana, Delahaye, & Sekaran, 2001). Ia juga digunakan kerana kesukaran memilih sampel secara individu daripada populasi dan melibatkan kos yang tinggi (Wiersma, 2005). Ia juga mewujudkan *homogeneity* antara kumpulan dan *heterogenous* dalam kumpulan. Pelajar di IPTA telah dipilih kemasukannya secara berpusat. Oleh itu, pengkaji mengandaikan mereka adalah sama daripada aspek kelayakannya. Pelajar telah dipilih menggunakan kaedah rawak berkelompok antara pelajar yang mengambil kursus wajib universiti dan juga mengikut kelompok kolej kediaman. Menurut Sekaran (2000) sampel 384 orang adalah mencukupi bagi populasi melebihi satu juta. Pengkaji menganggarkan sampel 1000 orang bagi keseluruhan IPTA tetapi sebanyak 1600 soal selidik telah diedarkan melebihi jumlah sampel yang diperlukan kerana mengambil kira soal selidik tidak dipulangkan atau dipulangkan tetapi tidak lengkap. Sebanyak 912 soal selidik yang telah digunakan bagi analisis data.

Bagi tujuan kertas ini, hanya dua bahagian Soal Selidik Kesediaan Keusahawanan Pelajar IPT digunakan. Bahagian pertama mengandungi enam soalan deskriptif kesediaan menjadi usahawan daripada aspek minat dan keinginan. Bahagian kedua ialah kesediaan sikap keusahawanan mengandungi 62 item yang terdiri daripada enam konstruk iaitu inovasi (16 item), kawalan diri (9 item), pencapaian (11 item), harga diri (7 item), kawalan atas risiko (6 item) dan toleransi terhadap kekaburan (13 item). Item ini menggunakan skala Likert lima-mata iaitu 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3- kurang setuju, 4- setuju dan 5- sangat setuju. Semua item ini telah diuji keboleh percayaannya dengan nilai Cronbach Alpha 0.88 bagi keseluruhan. Kesahan item ini juga diuji di peringkat kajian rintis menggunakan 104 item kesediaan sikap keusahawanan. Hanya 62 item telah dipilih setelah dilakukan analisis faktor, iaitu item yang bernilai pemberat faktor 0.3 (Coakes & Steed, 2007). Data yang dikumpulkan telah dianalisis secara deskriptif.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Minat

Jadual 1 menunjukkan kesediaan responden untuk menjadi usahawan. Responden telah diminta membuat pilihan kerjaya. Jika diberikan pilihan responden didapati paling ramai ingin menjadi usahawan iaitu seramai 426 orang (46.7 %) dan pengurus korporat seramai 184 orang (20.2 %). Manakala tidak membuat pilihan antara kedua-dua seramai 206 (22.6 %). Golongan ini kemungkinan mempunyai minat yang lain. Mereka yang tidak tahu seramai 96 orang (10.5 %). Ini menunjukkan ramai yang berminat untuk menjadi usahawan.

**Jadual 1: Kesediaan Untuk Menjadi Usahawan**

Keinginan menjadi usahawan	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jika diberi pilihan, saya paling suka menjadi seorang	Usahawan	426	46.7
	Pengurus korporat	184	20.2
	Bukan kedua-dua di atas	206	22.6
	Tidak tahu	96	10.5
Jumlah		912	100

Sumber: Norashidah 2008

Pengkaji telah bertanya sama ada responden ingin memulakan perniagaan sendiri. Seramai 561 orang (61.5%) menyatakan keinginan untuk berniaga, manakala seramai 351 orang (38.5%) tidak berminat. Dapatan ini menyokong dapatan bagi soalan pertama. Mereka diminta memberikan alasan. Jadual 2 menunjukkan ringkasan alasan yang diberikan oleh responden. Jawapan tersebut telah dikategorikan oleh pengkaji kepada 11 bahagian. Kebanyakan mereka memberikan alasan mahukan ganjaran sama ada daripada aspek keuntungan, kekayaan, harta atau wang (18.2 %). Alasan kedua untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan ialah kerana minat (13.4 %). Manakala alasan lain ialah untuk kebajikan atau berbakti kepada diri, keluarga dan masyarakat (6.3 %), mencari pengalaman (5.2 %), bebas (4.3 %), berdikari (4.1

%), sukakan cabaran atau risiko (4.1 %), merealisasikan idea atau peluang (1.8 %), sunnah (1.4 %), mewarisi perniagaan keluarga (1 %) dan lain-lain (2 %). Faktor utama ialah ganjaran kebendaan dan diikuti oleh faktor minat. Ini menunjukkan bahawa persepsi mereka terhadap bidang kerjaya sebagai usahawan dapat memberikan pulangan kebendaan. Seramai 57 responden menunjukkan keperihatinan terhadap tanggung jawab kebajikan dapat dipenuhi dengan menjadi usahawan.

**Jadual 2: Alasan Mahu Terlibat Dengan Aktiviti Keusahawanan**

	Frekuensi	Peratusan
Minat	122	13.4
Ganjaran-untung,kaya,harta,wang	166	18.2
Warisi bisnes keluarga	9	1.0
Kebajikan-diri, keluarga, masyarakat	57	6.3
Bebas	39	4.3
Berdikari	37	4.1
Cari pengalaman	47	5.2
Suka cabaran, risiko	37	4.1
Idea dan peluang	16	1.8
Sunnah	13	1.4
Lain-lain	18	2.0
Jumlah	561	61.5

Sumber: Norashidah (2008)

Jadual 3 menunjukkan ringkasan alasan yang diberikan oleh responden apabila diminta menyatakan alasan mereka untuk tidak terlibat dalam perniagaan. Kebanyakan mereka memberikan alasan tidak minat (9.3 %), takutkan risiko (5.2 %), tiada modal (4.5 %), tiada pengalaman (1.9 %), tiada pengetahuan (1.8 %) tiada keyakinan (1.6 %) dan sikap negatif (1.3 %). Lain-lain alasan ialah tekanan, mempunyai pandangan negatif tentang kerjaya usahawan, ingin makan gaji dan lain-lain. Seramai 100 orang (10.9 %) tidak memberikan sebarang alasan sama ada minat atau tidak menjadi usahawan.

**Jadual 3: Alasan Tidak Mahu Terlibat Dengan Aktiviti Keusahawanan**

	Frekuensi	Peratusan
Tak minat	85	9.3
Takut risiko	47	5.2
Tiada modal	41	4.5
Tiada pengalaman	17	1.9
Tiada pengetahuan,	16	1.8
Tak yakin kemampuan/tak sedia	15	1.6
Malas/leceh/tak mau susah	12	1.3
Tekanan/persekitaran	6	.7
Nak makan gaji	6	.7
Pandangan negatif terhadap usahawan	4	.4
Lain-lain	2	.2
Tiada maklumat	100	10.9
Jumlah	351	38.5

Sumber: Norashidah (2008)

Jadual 4 menunjukkan nasihat pelajar kepada rakan untuk memulakan perniagaan. Sebagai mendapatkan kepastian terhadap pegangan responden terhadap persepsi kesediaan untuk menjadi usahawan, mereka telah diminta memberikan nasihat jika rakan ingin memulakan perniagaan. Kebanyakan responden menggalakkan rakan mereka untuk memulakan perniagaan (58.3 %). Manakala seramai 330 orang (36.2 %)

responden menasihatkan rakan untuk bekerja dahulu sebelum memulakan perniagaan. Dan paling sedikit mereka yang tidak menggalakkan berniaga (3 %) dan yang tidak tahu seramai 58 orang (6.4%) sahaja.

**Jadual 4: Nasihat Pelajar Kepada Rakan Untuk Memulakan Perniagaan**

Keinginan menjadi usahawan	Kategori	Kekerapan		Peratus	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
Apakah nasihat anda terhadap seseorang yang ingin memulakan perniagaan	Menggalakkan memulakan perniagaan.	532	380	58.3	41.7
	Menangguhkan dan mendapat pengalaman bekerja dahulu.	330	582	36.2	63.8
	Tidak menggalakkan berniaga tetapi bekerja makan gaji	27	885	3.0	97.0
	Tidak tahu.	58	854	6.4	93.6

Sumber: Norashidah (2008)

### Kesediaan Sikap Keusahawanan Pelajar IPTA

Berikut ialah dapatan tahap kesediaan sikap keusahawanan pelajar. Penilaian skor min bagi profil kesediaan keusahawanan ini adalah menggunakan skala seperti Jadual 5. Manakala Jadual 6 pula menunjukkan perincian Profil Kesediaan Sikap Keusahawanan Pelajar IPTA mengikut sub faktor. Min sub faktor kesediaan sikap keusahawanan terdiri daripada inovasi (3.89), kesediaan kawalan diri (3.86), pencapaian (4.11), harga diri (3.89), toleransi kekaburan (3.71) dan kawalan risiko (3.98). Tahap kesediaan bagi semua sub faktor sikap adalah sederhana tinggi kecuali bagi sub faktor pencapaian pada tahap tinggi. Hal ini mungkin kerana pelajar IPTA adalah dalam kelompok yang cemerlang daripada aspek akademik. Oleh itu, mereka ini mempunyai keperluan terhadap pencapaian yang tinggi.

**Jadual 5: Skala Skor Min Dan Interpretasi**

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Tahap Rendah
2.01 – 3.00	Tahap Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Tahap Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tahap Tinggi

Sumber : Alias Baba (1992)

**Jadual 6: Profil Kesediaan Sikap Keusahawanan Pelajar Ipta**

No	Sub faktor sikap	Min	Sisihan Lazim	Tahap
1.	Inovasi	3.89	0.30	Sederhana Tinggi
2.	Kawalan diri	3.86	0.30	Sederhana Tinggi
3.	Pencapaian	4.11	0.36	Tinggi
4.	Harga diri	3.89	0.37	Sederhana Tinggi
5.	Toleransi kekaburan	3.71	0.39	Sederhana Tinggi
6.	Kawalan risiko	3.98	0.41	Sederhana Tinggi
Keseluruhan Kesediaan Kemahuan Sikap Keusahawanan		3.89	0.25	Sederhana Tinggi

Sumber: Norashidah (2008)

### RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan bahawa ramai pelajar IPTA yang berminat untuk menjadi usahawan berbanding mereka yang tidak berminat. Mereka berpendapat bahawa kerjaya sebagai usahawan ini dapat memberikan ganjaran yang baik daripada aspek kebendaan. Persepsi ini telah berubah jika dibandingkan pada peringkat awal kemerdekaan yang menunjukkan bahawa kerja makan gaji adalah lebih diutamakan (Shukor Omar, 2003). Pelajar IPTA mempunyai kesediaan sikap yang sederhana tinggi. Ini menunjukkan mereka

mempunyai potensi untuk menjadi usahawan. Oleh itu, kecenderungan terhadap kerjaya di bidang keusahawanan ini perlu disokong oleh pihak IPTA dengan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pelajar. Bagi golongan yang tidak berminat menjadi usahawan, melalui alasan yang diberikan, didapati minat terhadap bidang ini mampu dipupuk melalui pendidikan keusahawanan. Mereka juga perlu diberikan peluang untuk melibatkan diri semasa di kampus lagi. Selain itu, peluang untuk mendapatkan pendidikan keusahawanan wajar diberikan kepada semua pelajar bagi mereka mendapatkan kemahiran dan pengetahuan yang dapat membantu mereka dalam memulakan kerjaya keusahawanan.

## RUJUKAN

- Bosna, N., Wit, G. d., & Carree, M. (2003). *Modelling entrepreneurship. Unify the equilibrium and entry exit approach*. Netherland: Tinbergen Institute Discussion Paper.
- Cavana, R. Y., Delahaye, B. L., & Sekaran, U. (2001). *Applied business research: Qualitative and quantitative methods*. Milton, Queensland: John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Cheng, M. Y., & Chan, C. (2003). *Entrepreneurship education in Malaysia*. Cyberjaya: Multimedia University.
- Coakes, S. J., & Steed, L. (2007). *SPSS Version 14.0 for Window: Analysis Without Anguish*. Sydney: John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Collins, A., & Robertson, M. (2003). The entrepreneurial summe school as a successful model for teaching enterprise. *Education and Training*, 45(6), 324-331.
- Dana, L. (2001). The education and training of entrepreneurs in Asia. *Education & Training*, 43(8/9), 405-416.
- Ede, F. O., Panigrahi, B., & Calcich, S. E. (1998). African American students' attitude toward entrepreneurship education. *Journal of Education for Business*, 73(5), 291-296.
- Friar, J. H., & Meyer, M. H. (2003). Entrepreneurship and start-ups in the Boston region: Factors differentiating high-growth ventures from micro-ventures. *Small Business Economics* 21(2), 145.
- Gallaway, L., & Brown, W. (2000). Entrepreneurship education at university: A driver in the creation of high growth firms? *Education and Training*, 44(8/9), 398-405.
- Henderson, R., & Roberston, M. (2000). Who wants to be an entrepreneur? Young adults attitudes to entrepreneurship as a career. *Career Development International*, 5(6), 278-287.
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A. (2005). *Entrepreneurship: A process perspective* (6 ed.). New York: McGraw-Hill Irwin.
- Ibrahim, A. B., & Soufani, K. (2002). Entrepreneurship education and training in Canada: a critical assessment. *Education and Training*, 44(8/9), 421-431.
- Ibrahim Abu Shah. (2005). Graduan dan isu pengangguran. Retrieved 13 September, 2005, from <http://www.uitmvc.edu.my.html>
- Kamus Dewan*. (Ed. ke-4 ed.)(2005). Ed. ke-4 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2005). *Laporan Kajian Pengesanan Graduat 2004*. Putrajaya: Jabatan Pengurusan IPT.
- Kourilsky, M. (1995). Entrepreneurship education: opportunity in search of curriculum. *Business Education Forum*, 50(10), 11-15.
- Lewis, K., & Massey, C. (2003). Delivery entreprise education in New Zealand. *Education & Training*, 45(4/5), 197-207.
- Low Aik Meng, & Tan Wee Liang. (1996). *Entrepreneurs, entrepreneurship and enterprising culture*. Singapore: : Addison-Wesley Publishing Co.
- Malaysia. (2004b). *Laporan Ekonomi 2004/2005 Kementerian Kewangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Megginson, L. C., Scott, C. R., & Megginson, W. L. (1991). *Successful Small Business Management* (ke-6 ed.). Boston: Richard P. Irwin.
- Mohd Khairuddin Hashim, & Syed Azizi Wafa. (2002). *Small and medium-sized enterprises in Malaysia: Development issues*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson.
- Mohd Salleh Din. (1992). *The development of entrepreneurship and enterprise in higher education in Malaysia*. Unpublished Tesis PhD, University of Durham.
- Mohd Salleh Din, Hoe Chee Hee, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad, Habshah Bakar, et al. (2005). *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.



- Morshidi Sirat. (2003). Managing the interface with the region: the case of Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. In J. L. Pyle & R. Forrant (Eds.), *Globalization, Universities and Issues of Sustainable Human Development*. UK: Edward Elgar.
- Nor Aishah Buang et al. (2003). Pembentukan orientasi sains di kalangan pelajar melayu: Ke arah persediaan globalisasi, . *Sari Penyelidikan UKM*.
- Nor Aishah Buang et al. (2005). *Hubungkait pendidikan universiti dengan tingkah laku kerjaya keusahawanan siswazah kearah pembangunan pendidikan keusahawanan yang berkesan* (Deraf Laporan akhir projek penyelidikan UKM).
- Pyle, J. L., & Forrant, R. (2003). *Globalization, Universities and Issues of Sustainable Human Development*. UK: Edward Elgar
- Robertson, M., Collins, A., Medeira, N., & Slater, J. (2003). Barriers to start-up and their effect on aspirant entrepreneurs. *Education & Training*, 45(6), 308-317.
- Robinson, P. B., Stimpson, D. B., Huefner, J. C., & Hunt, H. K. (1991). An attitude approach to the prediction of entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory & Practice, Summer*, 13-31.
- Shukor Omar. (2003). *The malay lost world with emphasis on entrepreneurship*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.
- Syed Hussein Alattas. (2005). Pemikiran dan falsafah pendidikan: Mahasiswa abad ke 21. In Abdul Razaq Ahmad (Ed.), *Mahasiswa Abad 21* (pp. 1-8). Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Wiersma, W. (2005). *Research methods in education: An introduction* (Edisi ke-6 ed.). Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Zolkafli Hussin, Mohd Salleh Din, Abdul Malek Karim, Hajjah Mustaffa Mohd Hanafeah, Abdul Razak Salleh, Mahmood Nazar Mohamed, et al. (2004, 28-29 Jun). *Graduate employment as a challenge to higher education: The case of university Utara Malaysia*. Paper presented at the Posiding International Conference on Management Education, Kuala Lumpur.